

AYAT AL-QURAN DAN HADITH MUTASYABIHAT [متشابهات]

TAHUKAH ANDA?

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1.	TAFWIDH [تفويض]	: Menyerahkan makna secara mutlak kepada Allah Taala dan menafikan persamaan antara Allah Taala dengan makhlukNya.
2.	TAKWIL [تأويل]	: Menyatakan makna yang lebih sesuai dengan keEsaan dan keTauhidan Allah Taala untuk memelihara akidah daripada Syirik. Namun harus dilakukan dengan berhati-hati oleh mereka yang mendalami ilmunya.
3.	TASYBIH [تشبيه]	: Menyamakan Allah Taala dengan sesuatu atau makhluk. Pandangan ini pandangan yang sesat dan merosakkan Akidah umat Islam.
4.	TAJSIIM [تحسيم]	: Menisbahkan jisim/ tubuh badan seperti manusia kepada Allah Taala. Pandangan ini juga merupakan pandangan yang sesat dan merosakkan Akidah umat Islam.

PENGERTIAN AYAT AL-QURAN DAN HADITH MUTASYABIHAT.

Maksud al-Quran:

BI L	PERKARA	KETERANGAN
1.	BAHASA	Bacaan iaitu asal perkataan QaraAa [قرأ], kata al-Quran berbentuk Masdar [kata dasar] menurut wazan Fu'laanun [فعلان] seperti Syukraanun [شكران] dan Ghufuranun [غفران] dengan erti Isim Maf'ul iaitu [مفعول] yang bermaksud DIBACA
2.	ISTILAH	Kalam Allah yang mempunyai mukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW , melalui perantaraan Malaikat Jibril a.s , dalam bahasa Arab , diriwayatkan secara Mutawatir , membacanya adalah Ibadah , dimulai dengan surah al-Faatihah dan diakhiri dengan surah al-Nass .

Maksud Mutasyabihat;

BI L	PERKARA	KETERANGAN
1.	BAHASA	Berasal daripada perkataan al-Tasyabah [التشابه] yang bermaksud sesuatu yang serupa dengan yang lain.
2.	ISTILAH	<ul style="list-style-type: none"> • Nas-nas yang secara zahirnya boleh menimbulkan kekeliruan terhadap pentafsirannya kerana menunjukkan sifat-sifat Allah Taala yang menyerupai makhluk. • Menurut Manna'Ul Qattan [مناع القطان] ayat mutasyabihat ialah ayat-ayat al-Quran yang maknanya hanya diketahui oleh Allah Taala sahaja dan memerlukan penjelasan dengan merujuk ayat-ayat yang lain.

Menurut **al-Zarqani** dalam kitabnya **مَنَاهِلُ الْعُرْفَانِ فِي عُلُومِ الْقُرْآنِ**, ayat Mutasyabihat disebabkan **tiga** perkara;

Bil	Kesamaran Pada Lafaz	Kesamaran Pada Makna	Kesamaran Pada Lafaz Dan Makna
1.	<p>وَفَكِهَةٌ وَأَبَا ٣١</p> <p>31. dan buah-buahan serta rumput-rumputan [Abasa : ayat 31]</p>	<p>يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ</p> <p>10. ... Tangan Allah di atas tangan mereka, [al-Fath: ayat 10]</p>	<p>وَلَيْسَ الْبِرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ ظُهُورِهَا وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ اتَّقَى</p> <p>189. Dan bukanlah kebajikan memasuki rumah-rumah dari belakangnya, akan tetapi kebajikan itu ialah kebajikan orang yang bertakwa. [al-Baqarah : ayat 189]</p>
2.	<p>Kalimah wa Abba [وَأَبَا] jarang dijumpai di dalam al-Quraan sehingga asing dan kalimah ini bererti rumput.</p>	<p>Makna ayat ini diserahkan kepada Allah Taala kerana perbuatan menyamakan Allah Taala dengan makhluk adalah bertentangan dengan sifat keEsaan Allah Taala. Akal manusia tidak mampu menjangkau semua perkara sehingga ditakwilkan maknanya.</p>	<p>Ayat ini berkaitan dengan adat bangsa Arab Ansar yang berihram menunaikan Haji dan Umrah dengan menggali lubang di belakang rumah untuk pergerakan keluar masuk ke rumah mereka kerana dianggap satu kebajikan apabila melakukannya.</p>

PERBEZAAN CARA ULAMAK MEMAHAMI AYAT AL-QURAN DAN HADITH MUTASYABIHAT.

1. Jika diperhatikan nas mutasyabihat dalam al-Quraan / hadith, kebanyakannya berkaitan Sifat-sifat Allah Taala.
2. Dalam memahami Na situ, para ulamak terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Ulamak Salaf dan Ulamak Khalaf.
3. *Ulamak Salaf [علماء سلف]: Golongan ulamak tiga generasi awal iaitu para sahabat, Tabien dan Tabi' Tabien sehingga tiga kurun selepas hijrah.*
4. *Ulamak Khalaf [علماء خلف]: Golongan ulamak yang hidup selepas kurun ketiga sehingga hari ini.*

ULAMAK SALAF	NAS MUTASYABIHAT	ULAMAK KHALAF
<p>Mentafsirkan kalimah [أَسْتَوَى] secara Tafwidh [تفويض] untuk mengelakkan daripada memberi makna yang tidak tepat dengan hakikat ayat sebenar.</p>	<p>الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى ٥</p> <p>5. (Iaitu) Tuhan Yang Maha Pemurah. Yang bersemayam di atas 'Arsy. [al-Rahman : ayat 5]</p>	<p>Mentafsirkan kalimah [أَسْتَوَى] secara Takwil [تأويل] mengikut makna yang sesuai dengan sifat kemuliaan, kesucian dan kebesaran Allah Taala iaitu penguasaan Allah Taala ke atas 'Arsy.</p>
<p>Mentafsirkan kalimah [يَدُ] secara Tafwidh [تفويض] untuk mengelakkan daripada memberi makna yang tidak tepat dengan hakikat ayat sebenar.</p>	<p>يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ</p> <p>10. ... Tangan Allah di atas tangan mereka, [al-Fath: ayat 10]</p>	<p>Mentafsirkan kalimah [يَدُ] secara Takwil [تأويل] mengikut makna yang sesuai dengan sifat kemuliaan, kesucian dan kebesaran Allah Taala iaitu kekuasaan Allah Taala ke atas makhluknya.</p>
<p>Mentafsirkan kalimah [يُنزِلُ رَبَّنَا] secara Tafwidh [تفويض] untuk mengelakkan daripada memberi makna yang tidak tepat dengan</p>	<p>عن أبي هريرة □ أن رسول الله □ قال : يُنزِّلُ رَبُّنَا كُلَّ لَيْلَةٍ إِلَى سَمَاءِ الدُّنْيَا .. (رواه البخاري)</p>	<p>Mentafsirkan kalimah [يُنزِلُ رَبَّنَا] secara Takwil [تأويل] mengikut makna yang sesuai dengan sifat kemuliaan, kesucian dan</p>

ULAMAK SALAF	NAS MUTASYABIHAT	ULAMAK KHALAF
hakikat hadith sebenar.	Maksud: Allah Taala turun pada setiap malam ke langit dunia.	kebesaran Allah Taala iaitu malaikat turun ke langit dunia dengan perintah Allah Taala.

FAKTOR PERBEZAAN PENDAPAT ANTARA ULAMAK SALAF DAN ULAMAK KHALAF.

BI L	ZAMAN ULAMAK SALAF	ZAMAN ULAMAK KHALAF
1.	<i>Orang Islam berpegang teguh dengan akidah yang sah dan terima tanpa persoalan.</i>	<i>Bilangan orang Islam yang semakin ramai telah mendorong Ulama mentakwilkan nas sesuai dengan kemuliaan Allah Taala.</i>
2.	<i>Tiada perselisihan dalam memahami Nas.</i>	<i>Orang Islam bertambah daripada pelbagai bangsa dan budaya yang berbeza.</i>
3.	<i>Tiada pengaruh fahaman luar yang boleh menyebabkan kekeliruan dalam masyarakat.</i>	<i>Banyak fahaman luar yang mula mempengaruhi seperti ideologi tamadun Yunani. Untuk mengelakkan kekeliruan, para Ulama telah mentakwilkan nas mengikut sifat kemuliaan Allah Taala.</i>

KEPENTINGAN AYAT AL-QURAN DAN HADITH MUTASYABIHAT DALAM PENGUKUHAN AKIDAH MUSLIM.

1 INDIVIDU;

- ✚ **Memahami Nas Mutasyabihat selari** dengan kehendak al-Quran dan al-Sunnah kerana manusia mempunyai ilmu dan akal yang terbatas dalam memahami al-Quran dan memerlukan sandaran wahyu.
- ✚ **Menggalakkan individu menggunakan akal fikiran** yang dikurniakan Allah Taala ketika mentafsirkan al-Quran dengan tidak merendahkan sifat kesempurnaan Allah Taala agar terhindar daripada kesilapan ketika memahami al-Quran.

2 MASYARAKAT

- ✚ **Menyesuaikan fahaman orang awam** yang kebanyakannya tidak memahami hakikat nas mutasyabihat tersebut agar tidak menyamakan Allah Taala dengan makhluk yang boleh menyebabkan Syirik.
- ✚ **Memberi galakan dan dorongan kepada ilmuan Islam** untuk mengkaji dan memikirkan makna yang tersembunyi dalam al-Quran dan Hadith sebagai panduan umat Islam.

3 NEGARA

- ✚ **Menutup ruang penyelewengan** yang boleh menimbulkan kekacauan.
- ✚ Pihak berwajib seperti **JAKIM** perlu **memastikan tiada unsur penyelewengan** dalam memahami konteks ayat.
- ✚ **Menyarankan pendekatan terbaik untuk orang awam** memahami nas mutasyabihat dengan mentakwil makna yang sepatutnya dan tidak menyamakan Allah Taala dengan sifat makhlukNya.

USAHA DAN TINDAKAN UNTUK MENINGKATKAN KEIMANAN MELALUI KEFAHAMAN KONSEP AYAT AL-QURAAAN DAN HADITH MUTASYABIHAT.

BIL	KETERANGAN
1.	INDIVIDU; <ul style="list-style-type: none">✚ Mempelajari makna dan maksud ayat al-Quraan dan hadith mutasyabihat dari sudut perbahasan ulamak salaf dan khalaf.✚ Mentakwilkan makna yang terkandung dalam ayat mutasyabihat kepada makna yang lebih sesuai dengan keEsaan dan keTauhidan Allah Taala agar terpelihara akidah Islam dan tidak terjatuh dalam amalan syirik, Tasybih [تشبيه] dan Tajsiiim [تجسيم].✚ Namun harus dilakukan dengan berhati-hati oleh ulamak yang mendalam ilmunya.
2.	MASYARAKAT <ul style="list-style-type: none">✚ Mengadakan kelas Tafaqquh [تفقه] kepada kelompok masyarakat yang masih kurang mendalami persoalan akidah, khususnya dalam memahami nas mutasyabihat agar kesamaran dapat dihilangkan dalam kalangan masyarakat.✚ Menjadikan al-Quraan dan al-Sunnah/ Hadith sebagai rujukan utama kerana kepelbagaian aliran kefahaman dalam memahami nas mutasyabihat.
3.	NEGARA <ul style="list-style-type: none">✚ Menganjurkan seminar dan konvensyen ddi peringkat antarabangsa dengan menjemput ulamak-ulamak yang mempunyai kepakaran dalam bidang tafsir untuk berbincang mengenai isu-isu terkini berkaitan dengan ayat al-Quraan dan hadith mutsayabihat dan mentakwilkan nas mengikut sifat kemuliaan Allah Taala.✚ Menjadikan fahaman ahli sunnah wal jamaah sebagai pegangan rakyat agar iktikad tidak sesat dan tergelincir ketika membincangkan nas mutasyabihat dan terhindar daripada kesilapan yang boleh merosakkan akidah.